

Kaji pembenihan awan di Sarawak

MetMalaysia sedang teliti kesesuaian laksana operasi tangani jerebu

Oleh Suzalina Halid
suzalina@bh.com.my

Kuala Lumpur: Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) meneliti kesesuaian operasi pembenihan awan dilakukan di Sarawak khususnya di Kuching susulan jerebu.

Bacaan Indeks Pencemaran Udara (IPU) sangat tidak sihat di kesan di daerah itu akibat kebakaran di Kalimantan dan Sumatera, Indonesia.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, berkata sehingga kini Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri sedang memantau situasi termasuk menyediakan penutup muka kepada orang ramai.

Beliau berkata, Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) dan kerajaan negeri akan menyediakan peruntukan bagi perolehan penutup hidung dan mulut.

"Pagi ini (semalam) dimaklumkan bacaan IPU sangat tidak sihat di Sarawak khususnya Kuching dengan bacaan sekitar 206 namun bacaan IPU di Semenanjung dan Sabah umumnya masih di tahap baik.



Suasana bandar raya Kuching dengan bacaan IPU 206 pada jam 9.45 pagi, semalam.

(Foto L.Manlimaran/BH)

"Kita akan terus memantau situasi ini termasuk sedang meneliti kesesuaian Operasi Pembenihan Awan dibuat mengambil kira keadaan atmosfera di kawasan terbabit," katanya kepada pemberita selepas merasmikan program Jalinan Kasih 2019 anjuran Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN), di sini, semalam.

Katanya, Jabatan Alam Sekitar (JAS) menyatakan faktor utama kepada bacaan IPU yang tinggi adalah berikutan 455 tompok panas akibat kebakaran di Kalimantan dan Sumatera.

"Pergerakan angin memberi kesan jerebu rentas sempadan ke Malaysia khususnya setakat ini ke Sarawak selain kejadian kebakaran belukar tanah gambut di Kuala Baram, Miri juga menyebabkan keadaan sekitar berjerebu.

Setakat jam 9 pagi semalam, Kuching mencatat IPU sangat tidak sihat iaitu 204 manakala lapan kawasan mencatatkan bacaan IPU tidak sihat antara 106 hingga 186 termasuk tiga kawasan di Miri iaitu sekitar Bandar Raya Miri, Sekolah Kebangsaan (SK) Baram 2 serta Institut Latihan Perindustrian (ILP) Miri.

Kawasan lain mencatat IPU tidak sihat ialah Sri Aman, Samarahan, Sarikei, Sibul dan Mukah.

Sementara itu, MetMalaysia menasihatkan orang ramai mengurangkan aktiviti luar dan memakal penutup muka, bagi mengurangkan kesan terhadap kesihatan susulan keadaan cuaca berjerebu, yang melanda negara ketika ini.

Ketua Pengarah MetMalaysia, Jailan Simon, berkata selain itu mereka juga dinasihatkan minum banyak air, dan tidak melakukan aktiviti pembakaran terbuka dalam tempoh ini.

"Keadaan berjerebu berlaku berikutan peningkatan bilangan tompok panas di Sumatera dan Kalimantan, Indonesia dan kemungkinan hujan lebat di wilayah tersebut dan negara ini adalah rendah dalam tempoh seminggu akan datang.

"Sehubungan itu, potensi negara mengalami cuaca berjerebu rentas sempadan masih tinggi, terutama di barat dan selatan Semenanjung serta barat Sarawak," katanya dalam kenyataan.

Di Miri, **BERNAMA** melaporkan murid-murid yang menduduki peperiksaan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) di kawasan yang dilanda jerebu akan diberi topeng muka sebagai langkah berjaga-jaga.

Sekretariat Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN) Sarawak, Mejar Ismail Mahedin dari Angkatan Pertahanan Awam (APM) Sarawak berkata topeng muka diserahkan kepada Jabatan Pendidikan negeri bagi persediaan UPSR untuk bahagian Kuching, Samarahan, Serian dan Sri Aman pagi semalam.

"Jika Indeks Pencemaran Udara (IPU) melebihi 201, sekolah ditutup tetapi murid yang menduduki UPSR akan diteruskan dengan pemantauan ketat oleh sekolah dan petugas pemeriksaan," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Seramai 40,448 murid Tahun Enam di Sarawak menduduki UPSR yang bermula Rabu lepas.

Sabah pula mencatatkan bacaan IPU sederhana.